

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)31

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

31. Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk warga emas di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan *retirement villages* untuk memastikan bahawa warga emas boleh bersara dengan selamat dan juga berdekatan dengan pegawai-pegawai perubatan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

31. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap golongan warga emas di Pulau Pinang. Rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk golongan warga emas di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Memperkasakan fungsi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berada di bawah seliaan JKM melalui Program Penuaan Sihat. Program pemerkasaan ini

dilaksanakan dengan kerjasama antara JKM dengan klinik-klinik kesihatan yang berdekatan dengan PAWE dan pegawai-pegawai kesihatan yang terlibat akan memberikan khidmat pemeriksaan dan nasihat secara percuma kepada warga emas dan komuniti di sekitar PAWE tersebut. Sehingga hari ini, terdapat lima PAWE yang ada di Pulau Pinang iaitu PAWE Permatang Pauh, PAWE Bukit Mertajam, PAWE Darul Hannan di Pongsu Seribu, PAWE Balik Pulau, dan PAWE Sungai Dua. Kemudahan PAWE ini sedang dirancang untuk diwujudkan di setiap kawasan parlimen (satu parlimen, satu PAWE); dan

- (ii) Menjalankan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help*) iaitu program perkhidmatan sosial oleh sukarelawan. Program ini menyasarkan warga emas dan golongan OKU yang tinggal di rumah tetapi mengalami masalah kurang penjagaan atau kemampuan. Program sebegini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan sukarelawan yang lebih tersusun dan

menyemarakkan konsep kebajikan adalah tanggungjawab bersama.

- (a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan *retirement villages* kerana kebanyakannya keperluan yang disediakan di PAWE adalah memadai. Pada masa yang sama, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini dengan lebih terperinci kerana pelaksanaan idea ini akan memberi implikasi kewangan berikutnya kos pembelian/penyewaan atau kos pembinaan serta kos penyelenggaraan pusat tersebut yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga ingin mengurangkan implikasi sosial dan salah anggap bahawa penjagaan warga emas merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri semata-mata. Sebaliknya, anggota keluarga dan masyarakat juga sepatutnya memainkan peranan aktif dalam menjaga kebajikan warga tua di negeri ini.

Pihak yang memerlukan khidmat *retirement village* boleh menggunakan perkhidmatan sama yang ditawarkan oleh pihak

swasta seperti *Penang Retirement Village*, *The Penang Home*
dan *Silver Jubilee Home for the Aged*.